

Ruj. Kami : Bil (60) dlm. BPFK/PPO/03/02 Bhg.3  
Tarikh : 22 Jun 2010

## **SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN**

Seperti di Lampiran

Tuan / Puan,

### **PELANCARAN FASA KEDUA SISTEM QUEST3**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Fasa Kedua pelaksanaan sistem QUEST 3 yang melibatkan Empat (4) lagi modul akan dilancarkan secara rasmi pada **1 Julai 2010**. Modul-modul tersebut adalah:

- i) Modul Penilaian Produk Suplemen Kesihatan
- ii) Modul Penilaian Produk Tradisional
- iii) Modul Penilaian Ringkas Produk Bukan Preskripsi
- iv) Notifikasi Kosmetik

3. Sehubungan dengan itu, semua permohonan pendaftaran produk suplemen kesihatan, tradisional, penilaian ringkas produk bukan preskripsi dan notifikasi kosmetik mestilah dikemukakan melalui sistem QUEST3 mulai **1 Julai 2010**. Permohonan pendaftaran bagi produk-produk ini melalui sistem QUEST2 akan ditamatkan pada 30 Jun 2010. Walau bagaimanapun, penilaian ke atas permohonan produk-produk yang telah dibuat melalui sistem QUEST2 sebelum 1 Julai 2010 akan diteruskan sehingga selesai proses pendaftaran.

4. Untuk makluman tuan/puan, cara permohonan pendaftaran produk dengan sistem QUEST3 adalah sama seperti sistem QUEST2 iaitu melalui laman sesawang BPFK dengan menggunakan "log-in ID" yang sama, katalaluan "Quest3" serta "authentication" Digicert. Tuan/Puan diminta untuk menukar katalaluan semasa tuan/puan "log-in" buat kali pertama.

5. Kami ingin meminta jasa baik tuan/puan untuk memaklumkan semua ahli persatuan tuan/puan berkenaan pelancaran ini bagi menjayakan pelaksanaan sistem QUEST3.


6. Tuan/puan bolehlah menghubungi Cik Nurul Fajar (No. Tel: 03-78835555, emel: [fajar@bpfk.gov.my](mailto:fajar@bpfk.gov.my)), Cik Zafiah (No. Tel: 78835558, emel: [zafiah@bpfk.gov.my](mailto:zafiah@bpfk.gov.my)), Cik Eva (No. Tel: 78838578, emel: [eva@bpfk.gov.my](mailto:eva@bpfk.gov.my)) ataupun menghantar emel kepada [quest3@bpfk.gov.my](mailto:quest3@bpfk.gov.my) sekiranya tuan/puan memerlukan maklumat tambahan ataupun bantuan dalam perkara ini.

7. Perhatian dan kerjasama dari pihak tuan/puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,



**( DR. TAJUDDIN AKASAH )**

Timbalan Pengarah Pusat Kawalan Kualiti  
b.p. Pengarah Regulatori Farmasi  
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia